

Program FOMODSA - JomLaunch Tahun 2023

PUTRAJAYA, 9 OKTOBER 2023 : - Seramai 12 orang peserta dari Bahagian Teknologi Maklumat (BTM), Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang dan 2 orang peserta dari Jabatan Negeri telah menghadiri Program FOMODSA – JomLaunch Tahun 2023 yang dianjurkan oleh Koperasi Profesion Teknologi Berhad (KOPROTECH), yang telah berlangsung selama 3 hari bermula 5 hingga 7 Oktober 2023 bertempat di Dewan Damar Sari, Aras 3, Kompleks F8, Putrajaya.

Program ini telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah MAMPU, YBhg Datuk Haji Rodzi bin Md Saad. Forum kali ini berfokus kepada garis panduan yang dibangunkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri : Agensi Pusat yang Menerajui Pendigitalan Perkhidmatan Awam Dan juga IT professional tempatan terkemuka yang akan berkongsi pengalaman dan perjalanan manis pahit mereka untuk berjaya menerokai pasaran pendigitalan di Malaysia.

Antara senarai barisan penceramah yang hadir ialah Puan Megha Arora dari MongoDB yang berkongsi pengalaman dalam membangunkan aplikasi menggunakan GraphQL, En. Halim Fadhil dari NGINX / F5 berkongsi berkaitan *Next Generation API Infrastructure*, En Saidy Yusof dari Netbox berkongsi dengan pengguna bagaimana untuk mengoptimumkan web server, Nur Asmawi dari Sably berkongsi tentang CloudPanel yang digunakan untuk *local development environment* dan *production server* serta ramai lagi penceramah yang dijemput.

#MajuTerusPahang

#Pahang1st

#KerajaanNegeriPahang

#PahangGo

Oleh: Bahagian Teknologi Maklumat, Wisma Sri Pahang

Foto: Sumber BTM

